

Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (MPN)

WAN AHMAD AMIR ZAL
WAN NORNAJWA
ZAILANI ABDULLAH
AZWAN ABDULLAH
TENGGU FAUZAN
NURHANAN ABDUL RAHMAN
MUHAMMAD ZUKRI
HAFIZI MAT SALLEH
SITI ASMA MD RASDI

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

POLICY BRIEF 22

Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (MPN)

Wan Ahmad Amir Zal
Wan Nornajwa
Zailani AbdullaH
Azwan Abdullah
Tengku Fauzan
Nurhanan Abdul Rahman
Muhammad Zukri
Hafizi Mat Salleh
Siti Asma Md Rasdl

2022

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (MPN)

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049
E-mail: mpdp@institutmasa.com

Advisor:

Azril Mohd Amin

Editorial Team:

Marhaini Kamaruddin

Hamidah Atan

Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan

Mohd Noor Musa

Lili Fariza Ariffin

Sim Why Jean

Nurul Aqilah Azman

Muhammad Fadzil Anif

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin

Liwani Che Long

Muhammad Haqimie Aiman Rosli

Muhammad Akmal Hamdan

PRAKATA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkan dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Masa Depan Malaysia

TENTANG MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

TENTANG MPDP

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	7
Pengenalan	9
Realiti Kemiskinan Situasi Semasa Wabak COVID-19	11
Kesimpulan	18

BIOGRAFI

WAN AHMAD AMIR ZAL

Wan Ahmad Amir Zal merupakan seorang Profesor dalam bidang pembangunan komuniti di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengarah di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK. Beliau banyak menumpukan kajian ke atas isu berkaitan keadilan sosial, kemiskinan, pendayaupayaan (khususnya pendayaupayaan ekonomi), perlindungan sosial dan masyarakat terpinggir seperti Orang Asli.

WAN NORNAJWA

Wan Nornajwa merupakan seorang Pegawai Penyelidik Program Inspirasipreneur YaPEIM-Maybank Islamic Community dan juga pengurus bagi InsPeK Social Enterprise Innovation & Incubation Park (i-SEe) di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Pembangunan Insaniah daripada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang Pengurusan Pembangunan Insaniah, Kesejahteraan Insan, dan bidang-bidang Sains Sosial yang lain.

ZAILANI ABDULLAH

Zailani Bin Abdullah merupakan tenaga pengajar bidang Teknologi Maklumat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Teknologi Maklumat (Perlombongan Data) pada tahun 2012 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Bidang kajian kegemaran beliau adalah Perlombongan Data Raya (Big Data Mining), Pangkalan Data dan Keusahawanan Digital. Kini beliau merupakan Dekan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan.

AZWAN ABDULLAH

Azwan Bin Abdullah merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam kajian Perbankan Islam daripada Universiti Utara Malaysia pada tahun 2014 serta mempunyai sijil profesional dalam Perancangan Kewangan Islam (IFP) daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). Bidang tumpuan kajian merangkumi aspek literasi kewangan, perancangan kewangan dan pengurusan legasi dan pengurusan kemiskinan.

TENGGU FAUZAN

Tengku Fauzan merupakan seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Teknologi Kreatif, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Rekabentuk daripada Dongseo University, Korea Selatan. Beliau telah banyak mengetuai geran penyelidikan yang berkaitan serta telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat universiti dan kebangsaan.

NURHANAN ABDUL RAHMAN

Nurhanan Binti Abdul Rahman merupakan seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Industri Asas Tani, Universiti Malaysia Kelantan dan merupakan Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK). Beliau telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pemakanan Biokimia daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang penyelidikan beliau banyak tertumpu kepada analisis makanan dan bahan sampingan tumbuhan serta pemprosesan makanan.

MUHAMMAD ZUKRI

Muhammad Zukri merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan merupakan Felo Kehormat InsPeK. Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran dalam disiplin Pembangunan Komuniti dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Sarjana Kerja Sosial di Universiti Sains Malaysia (USM). Kepakaran beliau adalah dalam Pembangunan Komuniti dan banyak terlibat dalam projek-projek penyelidikan perundingan berkaitan kemiskinan, komuniti marginal, pembangunan belia serta kesukarelawanan.

HAFIZI BIN MAT SALLEH

Hafizi bin Mat Salleh merupakan Pegawai Penyelidik Sosial, bahagian Penyelidikan di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Falsafah dalam bidang Geografi. Beliau banyak terlibat dalam bidang penyelidikan dan program pembinaan kapasiti berkaitan kemiskinan. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam aktiviti penyelidikan berkaitan dengan pemetaan kemiskinan dan pengurusan kemiskinan dalam komuniti.

SITI ASMA MD RASDI

Siti Asma Md Rasdi merupakan Pegawai Penyelidik Sosial, bahagian Perkhidmatan dan Akademik di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Teknologi Maklumat. Beliau banyak menguruskan projek/ program berkaitan dengan pemindahan ilmu dan pembinaan kapasiti kepada komuniti miskin yang terlibat. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pengurusan kemiskinan dan komuniti miskin.

Ringkasan Eksekutif

Impak wabak COVID-19 telah membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang kita sedari, iaitu kemiskinan situasi atau '*situational poverty*'. Apa yang dibimbangkan ialah terbentuknya kemiskinan situasi dalam skala besar di Malaysia.

Andaian ini ada asasnya, kerana menurut World Bank, dijangkakan seramai 40 juta hingga 60 juta pertambahan individu menjadi miskin di seluruh dunia akibat dari wabak COVID-19.

Dengan mempertimbangkan senario tersebut, Ringkasan Dasar ini memberi tumpuan untuk:

- 1.menganalisis cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi; dan
- 2.menyediakan cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh kelompok miskin situasi untuk keluar dari kemiskinan situasi, kertas ini mendapati sembilan (9) cabaran utama yang dihadapi dan diperolehi daripada pelbagai pemegang taruh. Ringkasan Dasar ini turut memberi cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berstruktur dengan mengelompokkan kepada tiga (3) tempoh masa yang berbeza, iaitu:

- jangka masa pendek (1 hingga 6 bulan),
- jangka masa sederhana (7 hingga 12 bulan), dan
- jangka masa panjang (setahun dan lebih).

Cadangan Polisi

Cadangan 1

- Melibatkan Baitulmal, pusat zakat dan kumpulan zakat korporat secara berpusat (khususnya asnaf al-gharimin 'berhutang') untuk menyelesaikan peningkatan hutang.

Cadangan 2

- Strategi *out-in* di mana syarikat domestik disenarai pendek ke dalam kumpulan berpotensi untuk mendapatkan ladang asing (seperti gandum, jagung, beras, ruminan/ ladang ayam) untuk tujuan eksport dan domestik.

Cadangan 3

- Dasar Jaringan Keselamatan Sosial perlu disemak semula untuk meningkatkan daya maju dan bukannya pergantungan.

Pengenalan

Impak wabak COVID-19 telah memaksa kerajaan untuk mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP). Natiujahnya telah membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang kita sedari, iaitu kemiskinan situasi atau '*situational poverty*'. Andaian kebimbangan awal ialah akan terbentuk kemiskinan situasi dalam skala besar di Malaysia. Lebih memeritkan ia dijangkakan berlaku dalam bentuk massa.

Andaiannya ini ada asasnya, kerana menurut World Bank, dijangkakan seramai 40 juta hingga 60 juta pertambahan individu menjadi miskin di seluruh dunia akibat dari wabak COVID-19. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 0.3 peratus hingga 0.7 peratus kepada peratusan kemiskinan global, dan menjadikan 9 peratus kemiskinan global.

Apakah itu kemiskinan situasi? Ia adalah seseorang itu miskin disebabkan oleh wabak COVID-19. Antara cara pembentukannya ialah dengan menjejaskan pendapatan, kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji separuh. Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa kemiskinan situasi ini kebiasaannya berlaku dalam tempoh sementara sahaja.

Siapakah yang terkesan? Inilah keunikan kemiskinan situasi di mana ia bukan hanya berlaku pada kelompok yang sedia miskin, iaitu individu dengan pendapatan isi rumahnya di bawah RM2,208 sebulan atau miskin bergenerasi (generational poor) sahaja. Sebaliknya juga melibatkan kelompok berpendapatan rendah (pendapatan RM2,208 hingga RM4,850 sebulan), kelompok pendapatan pertengahan (RM4,851-RM10,970 sebulan) atau dikenali sebagai M40.

Kajian awal Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mendapati hampir kesemua responden yang bekerja sendiri hilang punca pendapatan. Perkara yang dibimbangkan responden adalah penyusutan simpanan (65%), peningkatan kos utiliti (37.3%) dan peningkatan hutang (27.2%). Simpanan yang mereka juga ada tidak mampu bertahan lama, iaitu sebanyak 28 peratus hanya mampu bertahan 2 minggu ke bawah sahaja dan 29.8 peratus dapat bertahan 2 hingga 4 minggu.

Untuk mendapatkan data dari sisi lain, sebuah kajian telah dilaksanakan antara Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Institut Masa Depan Malaysia untuk menganalisis cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi serta menyediakan cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan PPN.

Realiti Kemiskinan Situasi Semasa Wabak COVID-19

Realiti kemiskinan situasi di Malaysia diperhatikan dan dipamerkan mengikut dua (2) bahagian, iaitu:

- cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi; dan
- set cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan PPN.

(1) Cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi

Berkaitan dengan cabaran yang dihadapi terdapat sembilan (9) cabaran utama yang dihadapi. Cabaran-cabaran tersebut diperoleh daripada pelbagai pemegang taruh seperti di Jadual 1.

Jadual 1

Cabaran untuk Keluar dari Kemiskinan Situasi

Cabaran	Ringkasan
Cabaran 1: Kedudukan kredit dan peningkatan hutang isi rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian secara kredit atau secara hutang • Dari kegunaan dapur hingga pembayaran pembiayaan rumah, pembiayaan kereta dan lain-lain • Pengurangan kekayaan atau pemilikan harta
Cabaran 2: Pengurusan dan perkongsian data untuk tindakan	<ul style="list-style-type: none"> • Belum ada pengurusan data yang bersepadu dan berbentuk 'open data' bagi kehilangan punca pendapatan • Berlakunya isu keciciran dan pertindanan bantuan • Senarai yang tidak pasti - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan lain-lain • Tidak dapat dimanfaatkan oleh pihak lain

Jadual 1 (bersambung)

Cabaran	Ringkasan
<p>Cabaran 3: Spekulasi kestabilan politik negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Wujudnya dilema masyarakat dan ahli politik • Kecenderungan untuk bencikan dan diterjemahkan dalam peratus keluar mengundi • Inginkan pemimpin 'helping view' dan bukan berasaskan 'politik perut'
<p>Cabaran 4: Krisis sosial makro dan ekso-sistem</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan pelbagai masalah sosial peringkat keluarga dan komuniti • Termasuklah "toksik media" yang memberi kesan kepada ketidaksejahteraan hidup • Pembantuan penyertaan pendidikan (PdPR)
<p>Cabaran 5: Relevansi kemahiran dan pendidikan sedia ada</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bepindah dan menukar kemahiran (<i>re-skilling</i>) • Peluang pendidikan yang holistik dan berkonsepkan pembelajaran seumur hidup • Kebergantungan pada gig ekonomi yang pantas berubah
<p>Cabaran 6: Daya tahan dan perubahan gaya hidup</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mampu bertahan dengan bebanan yang dihadapi sama ada secara fizikal dan spiritual • Perkara yang drastik berlaku dalam kehidupan individu perlukan tempoh lama
<p>Cabaran 7: Keuntungan syarikat mengecil atau rugi terus</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber industri pertengahan mendominasi sebanyak 50-60% • Hanya 10-15% dipandu oleh sumber sosial korporat • Hasil 40% perniagaan sederhana kecil merupakan sumber yang menjana pendapatan negara

Jadual 1 (bersambung)

Cabaran	Ringkasan
<p>Cabaran 8: Pengurangan kekayaan (<i>diminishing wealth</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan kekayaan memberi kesan kepada keseimbangan ekonomi dan sosial • Kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan dan pengurangan simpanan • Peningkatan hutang dan bebanan komitmen
<p>Cabaran 9: Rantaian ekonomi dan bekalan makanan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang bertindan iaitu kehilangan pendapatan, kos sara hidup dan inflasi • Rantaian makanan - Isu jaminan atau sekuriti makanan



Kedudukan kredit dan peningkatan hutang isi rumah

- Pembelian secara kredit atau secara hutang
- Dari kegunaan dapur hingga pembayaran pembiayaan rumah, pembiayaan kereta etc.
- Pengurangan kekayaan atau pemilikan harta

01



Pengurusan dan perkongsian data untuk tindakan

- Belum ada pengurusan data yang bersepadu dan berbentuk 'open data'
- Berlakunya isu keciciran dan pertindanan bantuan
- Senarai yang tidak pasti- LHDN, ICU dan lain-lain
- Tidak dapat dimanfaatkan oleh pihak lain

02



Spekulasi kestabilan politik negara

- Wujudnya dilema masyarakat dan ahli politik
- Kecenderungan untuk bencana dan diterjemahkan dalam peratus keluar mengundi
- Inginkan pemimpin 'helping view' dan bukan berasaskan 'politik perut'

03



Krisis sosial makro dan ekso-sistem

- Peningkatan pelbagai masalah sosial peringkat keluarga dan komuniti
- Termasuklah "toksik media" yang memberi kesan kepada ketidakejahteraan hidup
- Pembantuan penyertaan pendidikan (PdPR)- *Lost education*

04



Relevansi kemahiran dan pendidikan sedia ada

- Berpindah dan menukar kemahiran (*re-skilling*)
- Peluang pendidikan yang holistik dan berkonsepkan *long life-learning*
- Kebergantungan pada *gig* ekonomi yang pantas berubah

05

Daya tahan (*resilience*) dan perubahan gaya hidup

- Berpindah dan menukar kemahiran (*re-skilling*)
- Peluang pendidikan yang holistik dan berkonsepkan *long life-learning*
- Kebergantungan pada *gig* ekonomi yang pantas berubah

06



Keuntungan syarikat mengecil atau rugi terus

- Sumber industri pertengahan mendominasi sebanyak 50-60%
- Hanya 10-15% dipandu oleh sumber sosial korporat
- Hasil 40% perniagaan sederhana kecil merupakan sumber yang menjaga pendapatan negara

07



Pengurangan kekayaan (*diminishing wealth*)

- Pengurangan kekayaan memberi kesan kepada keseimbangan ekonomi dan sosial
- Kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan dan pengurangan simpanan
- Peningkatan hutang dan bebanan komitmen

08



Rantaian ekonomi dan bekalan makanan

- Masalah yang bertindan, iaitu kehilangan pendapatan, kos sara hidup, inflasi
- Rantaian makanan = Isu jaminan atau sekuriti makanan

09

Cabaran
Keluar
daripada
**KEMISKINAN
SITUASI**

(2) Cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara

Cadangan berasaskan hasil kajian disenaraikan secara berstruktur dengan mengelompokkan kepada tiga (3) tempoh masa yang berbeza, iaitu:

- jangka masa pendek (1 hingga 6 bulan),
- jangka masa sederhana (7 hingga 12 bulan), dan
- jangka masa panjang (setahun dan lebih).

Senarai cadangan ini adalah untuk dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam Pelan Pemulihan Negara (Jadual 2).

Jadual 2

Cadangan Input Polisi bagi Pelan Pemulihan Negara

Tempoh	Cadangan
<p>Jangka masa pendek (1 hingga 6 bulan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pangkalan data yang berintegrasi berasaskan 'open data' untuk bantuan dan padanan kerja supaya punca kehilangan pendapatan dapat dikenalpasti • Kesepakatan GLC untuk membekalkan "Subsidi Makanan" sebanyak 5% dan 'Subsidi Pekerjaan' • Mewujudkan "Jaringan Keselamatan Sosial Sementara" • Melibatkan Baitulmal, pusat zakat dan kumpulan zakat korporat secara berpusat (khususnya asnaf al-gharimin 'berhutang') untuk menyelesaikan peningkatan hutang • Majlis/ Lembaga Zakat Negeri perlu dilibatkan lebih serius dalam Majlis Pemulihan Negara

Jadual 2 (*bersambung*)

Tempoh	Cadangan
<p>Jangka masa sederhana (7 hingga 12 bulan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Strategi pengeluaran berbalik (<i>reverse production strategy</i>) • Strategi <i>out-in</i> di mana syarikat domestik disenarai pendek ke dalam kumpulan berpotensi untuk mendapatkan ladang asing (seperti gandum, jagung, beras, ruminan/ ladang ayam) untuk tujuan eksport dan domestik • Bersama dengan insentif pada dasar fiskal seperti taraf perintis dan insentif bebas cukai • Memperkasakan daya dan ekosistem keusahawanan
<p>Jangka masa panjang (setahun dan lebih)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Jaringan Keselamatan Sosial perlu disemak semula untuk meningkatkan daya maju dan bukannya pergantungan • Penstrukturan semula tumpuan pekerjaan gig ekonomi • Termasuklah perlindungan sosial dan perkembangan kerjaya khas untuk kelompok M40

Cadangan Input Polisi *bagi* Penyelesaian Kemiskinan Situasi *untuk* Keperluan Pelan Pemulihan Negara

Jangka Masa Pendek (1 hingga 6 bulan)

- Pangkalan data yang berintegrasi berasaskan 'open data' untuk bantuan dan padanan kerja
- Kesepakatan GLC untuk membekalkan "Subsidi Makanan" sebanyak 5% dan 'subsidi pekerjaan'
- Mewujudkan "Jaringan Keselamatan Sosial Sementara"
- Melibatkan Baitulmal, pusat zakat dan kumpulan zakat korporat secara berpusat (khususnya asnaf al-gharimin 'berhutang')

Jangka Masa Sederhana (7 hingga 12 bulan)

- Strategi pengeluaran berbalik (*reverse production strategy*)
- Strategi *out-in* di mana syarikat domestik disenarai pendek ke dalam kumpulan berpotensi untuk mendapatkan ladang asing (seperti gandum, jagung, beras, ruminan/ ladang ayam) untuk tujuan eksport dan domestik
- Bersama dengan insentif pada dasar fiskal seperti taraf perintis dan insentif bebas cukai
- Memperkasakan daya dan ekosistem keusahawanan

Jangka Masa Panjang (Setahun dan lebih)

- Memperkenalkan *pro-poorness policy*
- Dasar Jaringan Keselamatan Sosial perlu disemak semula untuk meningkatkan daya maju dan bukannya pergantungan
- Penstrukturan semula tumpuan pekerjaan *gig* ekonomi
- Termasuklah perlindungan sosial dan perkembangan kerjaya khas untuk kelompok M40



Kesimpulan

Isu kemiskinan situasi bukanlah satu bentuk retorik yang mengambil kesempatan daripada kesukaran yang dihadapi masa dan melangkaui sistem. Sebaliknya ianya realiti kepahitan yang tidak bertanggung oleh kelompok yang tidak biasa atau tidak pernah mengalami kemiskinan.

Sedangkan selama ini, mereka bukan sahaja menggali kesejahteraan yang ada di Malaysia. Sebaliknya merekalah yang banyak memberi sumbangan kepada kemakmuran kepada Malaysia melalui kepakaran, guna tenaga, cukai dan zakat.

Dalam keadaan yang terumbang-ambing disebabkan wabak COVID-19 adalah wajar kerajaan menghulurkan tangan dengan pendekatan yang benar-benar berimpak lestari.

Justeru, melalui hasil kajian ini, diharapkan potensi mereka dapat ditingkatkan kembali agar lebih bersemangat untuk kembali membina negara dan makmur bersama.



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:
www.institutmasa.com

eISBN 978-629-7928-01-2



9 786297 928012